



EDISI
MAIS

www.mais.gov.my

RETORIK HIJRAH



Cabaran
Hiburan Di
Media Sosial

Ms 5

Kesihatan Mental:
Amalan Untuk
Hidup Sihat

Ms 8

Cerai Express,
Ada
Penyelesaiannya

Ms 9



Kata-Kata Hikmah

Hijrah bukan bererti kamu tidak lagi menjadi diri sendiri. Ianya tetap menjadikan diri kamu sendiri bahkan lebih baik dari sebelumnya.

Dr. Che Mad

Perbezaan Antara
Khunsa Dan Pondan

Ms 17





INFO FIDYAH MAIS

STATISTIK AGIHAN FIDYAH
2020 - 2021 (BARANG KERING)

AGIHAN TAHUN 2021

FEBRUARI

Penerima RSAFM
3,182 | **99**
RM318,200.00

MEI
Penerima RSAFM
3,138 | **104**
RM313,800.00

OGOS
Penerima RSAFM
5,705 | **144**
RM570,500.00

NOVEMBER
Penerima RSAFM
558 | **28**
RM55,800.00

MAR

Penerima RSAFM
4,192 | **149**
RM419,200.00

JUN
Penerima RSAFM
2,910 | **149**
RM291,000.00

SEPTEMBER
Penerima RSAFM
1,689 | **78**
RM168,900.00

DISEMBER
Penerima RSAFM
3,136 | **17**
RM313,600.00

AGIHAN TAHUN 2020

DISEMBER
Penerima RSAFM
817 | **15**
RM81,700.00

APRIL
Penerima RSAFM
4,283 | **86**
RM428,300.00

JULAI
Penerima RSAFM
4,927 | **173**
RM492,700.00

OKTOBER
Penerima RSAFM
3,771 | **98**
RM377,100.00

STATISTIK AGIHAN FIDYAH 2021 (SUMBANGAN TUNAI)

ORANG ASLI ISLAM

Penerima Sumbangan 1 Penerima
672 | **RM200.00**
RM134,400.00

GABUNGAN TEKSI SE'MALAYSIA MALAYSIA

Penerima Sumbangan 1 Penerima
3,550 | **RM500.00**
RM1,775,000.00

JUMLAH KESELURUHAN (Sumbangan Tunai)

Penerima Sumbangan 1 Penerima
4,222 | **RM700.00**
RM1,909,400.00

JUMLAH KESELURUHAN AGIHAN FIDYAH 2021 (Barang Kering)

Penerima RSAFM
37,491 | **1,125**
RM3,749,100.00

*RSAFM: Rakan Strategik Agihan Fidyah MAIS



Sidang Editorial
EDISI

KETUA PENGARANG
Noormala binti Mohd Saad

PENGARANG
Muhammad Syafiq bin Ahmad Fozi

EDITOR
Salawati binti Hamid

SUBEDITOR/PRUF
Norzaili bin Taib

KOLUMNIS
Hamizul bin Abdul Hamid
Halim bin Mokhtar
Mohd Hafiz bin Abdul Salam

Ahmad Firdaus bin Muhammad
Hasal bin Senin
Shahrul Effendy bin Md Saat

RETORIK HIJRAH

Oleh: Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid (hamizul@zakatselangor.com.my)
Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan, Divisyen Syariah dan Dakwah, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Tong kosong!

Demikianlah. Saban tahun di awal sambutan hijrah, umat Islam selalu digendangkan dengan irama ini. Terlalu bersemangat di awalnya. Namun di penghujung cerita, 'pi mai-pi mai tang tu juga'. Ada yang kekal di takuk lama. Kekal dengan status quo. Tiada perubahan.

Walhal, hijrah adalah satu takah amat penting. Satu anjakan amat mulia dalam Islam. Ia menandakan perubahan besar. Menandakan satu aras perjuangan yang lebih tinggi. Di sanalah bermulanya objektif paling agung sedang direncanakan. Lalu segenap usaha, seluruh tenaga, minda dan fizikal diperah. Dijana ke arahnya. Nabi dan para sahabat membuktinya lewat kejayaan demi kejayaan yang dirintis.

Lalu, mari kita bandingkan hari ini. Umumnya, kita biasa mendengar irama 'gendang tong kosong' ini yang akan berdegarder di awal tahun baru hijrah. Azam baharu. Lalu, dengan slogan atau tanpa slogan, mengajak untuk lakukan itu dan ini. Namun bagaimana pengisiannya? Apa akhirnya? Adakah ia sekadar penyedap halwa telinga?

Justeru umat Islam perlu sedar bahawa tanpa 'kesungguhan' hijrah, kita tidak akan ke mana-mana. Hijrah bukan sekadar membangga-banggakan apa yang telah lalu. Benar, bernostalgia itu indah. Sama persisnya kala ghairah memasang wacana yang penuh retorik. Gegak gempita begitu dan begini. Namun ia tidak akan membawa apa-apa kesan.

Jika ada pun kesannya, ya kita akan terus kagum dengan kehebatan umat masa lampau. Bangga menyatakan pemimpin terbaik dunia adalah nabi kita. Bangga juga dengan kisah 2/3 dunia pernah diwarnai Islam. Bangga lagi dengan pencapaian luar biasa para saintis dan sarjana Islam era silam.

Bangga dengan kehebatan mereka itu bagus. Jika kena dengan caranya, ia mampu merenjak hati umat Islam hari ini untuk segera bercermin diri. Jika umat Islam dahulu mampu mewarnakan muka bumi, mencorakkan peradaban dunia, kenapa tidak kita pada hari ini? Namun bangga tanpa berbuat apa-apa, itulah retorik dan tong kosong namanya.

Jujurnya, kita memang patut bercermin dengan jujur, lalu mencari di mana silapnya umat? Apakah kita ini kurang ilmu atau kurang semangat? Apakah kita jadi begini, kerana banyaknya berhibur dan leka dengan nikmat? Adakah kealpaan yang menghanyutkan itu, sudah menjadi penyakit di minda?

Meninjau kepada dunia, kita akan dapati betapa majoriti umat Islam hari ini adalah pengguna kepada pelbagai cetusan idea orang lain. Baik dalam bidang sains, perubatan, teknologi, kejuruteraan malah dalam bidang media sosial sekali pun. Apakah ini yang diajarkan dalam falsafah hijrah?

Maka, EDISI berusaha memaparkan apakah kesungguhan hijrah di sisi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan seluruh agensi di bawahnya. Seiring dengan perubahan dunia pasca pandemik COVID-19, maka warna hijrah ini perlu dizahirkan. Ibarat bianglala (pelangi) tujuh warna yang terpancar indah selepas hujan teduh, mentari yang zahir menjadikan dunia lebih merona. Biasan itu memotivasi, bukan mengalpakan.

MAIS dan seluruh jajaran agensi di bawahnya juga sedar, hijrah bukan sekadar retorik alias paluan gendang kosong penyedap bicara. Hijrah adalah manifestasi kesungguhan niat, keazaman tekad dan kesepadan jihad. Ia adalah sinergi yang akan memacu usaha ke arah peningkatan. Ia dibuktikan dengan kesungguhan yang konsisten. Bukan hanya sekadar, hangat-hangat tahi ayam.

Firman Allah SWT: "Apabila kamu telah membulatkan tekad, maka bertawakkallah kepada Allah." (Ali Imran: 159)

Wallahu'lam. **Edisi**



ASPIRASI HIJRAH

Oleh: Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid (hamizul@zakatselangor.com.my)

Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan, Divisyen Syariah dan Dakwah, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Sempena kedatangan Maal Hijrah 1444 ini, EDISI cuba mencungkil komitmen Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan beberapa agensi di bawahnya dalam memenuhi aspirasi hijrah berkenaan.



Menurut **YAD TAN SRI DATO' SERI ABDUL AZIZ BIN MOHD YUSOF**, Pengurus MAIS, sejak penubuhannya, MAIS konsisten memberikan khidmat bakti terbaik kepada seluruh umat Islam di negeri ini. MAIS menubuhkan pelbagai entiti demi melestarikan pemerkaasan ummah, dan istiqamah bersinergi dengan pelbagai pihak agar matlamat ini tercapai dengan jayanya.

Alhamdulillah, perancangan MAIS terjelma dengan begitu baik. Agensi di bawah MAIS seperti Lembaga Zakat Selangor (LZS), Perbadanan

Wakaf Selangor (PWS), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE), Teraju Ekonomi Asnaf (TERAS) dan Bakti Suci Holdings Sdn Bhd terus konsisten berfungsi dengan amat teratur dan efisien memenuhi keperluan umat Islam.

Biar pun saban tahun MAIS dan seluruh agensi di bawahnya, termasuklah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) dan Jabatan Mufti Negeri Selangor terus mencipta kejayaan, namun ia tidak melekakan MAIS.

Realitinya, MAIS terus konsisten 'memahat' setiap hari yang ditinggalkan sebagai jejak-jejak kejayaan. Ia menjadi monumen masa yang kekal dan bukti bahawa MAIS dan semua agensinya mampu mencorakkan muka bumi Allah SWT ini dengan nuansa keislaman yang sebenar.

Inilah aspirasi hijrah yang dengan izin Allah SWT dan restu Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, memacu MAIS agar tekal berbakti dan konsisten menerokai inovasi di Selangor, demi manfaat seluruh ummah di bumi bertuah ini.



EN. MOHD. SABIRIN BIN MOHD. SARBINI, Ketua Pegawai Eksekutif LZS menambah, bahawa LZS juga amat komited menjalankan fungsinya. Seiring aspirasi hijrah, LZS telah menetapkan sasaran untuk mencapai angka kutipan dan agihan yang lebih tinggi, iaitu melebihi RM1 billion untuk tahun ini dan tahun-tahun yang mendatang. Malah menjelang tahun 2025 nanti, kala itu LZS berhasrat sudah berjaya merealisasikan era baharu yang lebih unggul dalam dimensi pengurusan zakat.

Sehubungan itu, dua inisiatif utama telah digerakkan ke arahnya. Pertama, LZS New Business Model yang mensasarkan untuk meningkatkan keberkesanannya agihan zakat dengan merealisasikan Model Operasi Baharu Agihan dan melaksanakan pelan-pelan strategik di dalam Blueprint Pembangunan Asnaf bagi meningkatkan taraf hidup dan modal insaf asnaf-asnaf di Selangor.

Keduanya, LZS juga telah melaksanakan pelan Digitalisasi yang bertujuan untuk memperkasakan pengurusan zakat di LZS dengan

pengaplikasian teknologi-teknologi terkini sesuai dengan Revolusi Industri 4.0 selaras dengan objektif memaksimakan kutipan zakat dan meningkatkan keberkesanannya agihan zakat. Hal ini adalah seiring dengan roh dan aspirasi hijrah itu sendiri, sebagaimana yang telah dituliskan oleh baginda Nabi Muhammad SAW kepada kita semua sejak 1400 tahun silam.



YBHG. DATO' MOHAMMAD BIN YACOB, Ketua Pegawai Eksekutif menegaskan bahawa PWS juga istiqamah mempelbagaikan program dan strategi demi mewujudkan budaya berwakaf yang subur di negeri ini. Bermula dengan kutipan wakaf kurang dari satu juta pada tahun 2011, ia kini telah mencapai RM9.5 juta pada tahun 2021. Bermula dengan hanya tiga produk wakaf pada tahun 2011, kini sudah tersedia 13 produk sebagai pilihan. Semua ini hanya mengambil masa selama 10 tahun.

Seiring dengan perubahan masa dan gaya hidup, PWS akan terus komited menerokai lebih banyak ruang dan peluang bagi melaksanakan ibadah wakaf yang lebih dekat di hati umat. Ia pastinya merentasi garis sempadan usia, jurang generasi dan juga jantina. Ia juga meliputi pilihan produk wakaf yang lebih luas, cara pelaksanaan yang lebih fleksibel dan juga manfaat yang bakal diterima oleh pewakaf.

Inilah manifestasi aspirasi hijrah yang sebenar. Hijrah yang telah menjadi sumber inspirasi kepada PWS untuk terus bergerak lebih berani dan gagah menongkah zaman. Biar hijrah berganti, PWS terus komited mencorakkan gaya hidup yang lebih Islami dalam kalangan masyarakat Islam di Selangor dengan menjadikan wakaf sebagai salah satu gaya hidup mereka.



YBHG. PROF. MADYA DATO' DR. MOHD. FARID RAVI BIN ABDULLAH turut menyatakan, KUIS juga konsisten melahirkan para dai, ulama dan umarak yang memberi nilai tambah kepada kecemerlangan umat di negeri ini dan bertekad untuk menjadi institusi yang penuh legasi. Bermula dengan Kolej Islam Selangor Darul Ehsan (KISDAR) pada tahun 1995, berubah kepada Kolej Universiti pada tahun 2004, kini KUIS mengorak langkah menempa nama sebagai alma mater bertaraf universiti penuh di persada antarabangsa.

Semua ini adalah manifestasi kepada komitmen KUIS dalam mencetak generasi masa hadapan yang berpaksikan ilmu yang sahih dan kefahaman Islam yang mantap. KUIS sentiasa teguh dalam mewujudkan kesepadan antara ilmu, iman dan amal yang menjadi dasar ke arah melahirkan insan yang bertaqwa dan berketerampilan untuk menyumbang kepada kesejahteraan diri, masyarakat dan negara.

Sejajar dengan aspirasi hijrah yang diteladani oleh baginda Rasulullah SAW, kita yakin KUIS akan terus kekal sebagai 'Peneraju Tradisi Ilmu' dan kekal menjadi mercu tanda penuh gemilang bagi pencapaian umat Islam, seiring dengan nama baharunya kelak sebagai Universiti Islam milik MAIS sepenuhnya di negeri ini, insya Allah.

Demikianlah secebis perkongsian kesungguhan dan pembuktian MAIS dan beberapa agensi di bawahnya dalam memenuhi aspirasi hijrah demi kemakmuran bersama. Wallahu'lam. **Edisi**

CABARAN HIBURAN DI MEDIA SOSIAL

Oleh: Halim bin Mokhtar (halim@kuis.edu.my)
Jabatan Dakwah dan Usuluddin Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

SHALAM ialah agama yang sesuai dengan fitrah manusia yang memerlukan hiburan dalam kehidupan. Hiburan ialah sesuatu yang boleh menenangkan hati dan merehatkan minda. Asas hiburan yang diadakan tidak melampaui batasan syarak dan tidak larai daripada melaksanakan perintah Allah.

Gelombang Revolusi Industri 4.0 menyajikan hiburan yang sangat banyak. Agenda hiburan hari ini bukan lagi bersifat fizikal seperti dulu. Lambakan hiburan boleh dicapai hanya melalui hujung jari sahaja yang menyebabkan berlakunya perubahan gaya hidup seharian generasi kini.

Penggunaan gajet seperti telefon pintar, laptop dan komputer sebagai alat yang menyalurkan hiburan berterusan sepanjang waktu dan aplikasi media sosial seperti *Facebook*, *WeChat*, *Telegram*, *Instagram*, *WhatsApp* dan *Tik Tok* sangat laris di pasaran.

Akibatnya terdapat beberapa cabaran penggunaan media sosial dalam menikmati hiburan sehingga menyebabkan berlakunya perkara yang melampaui batas dan norma kehidupan biasa. Beberapa insiden yang telah menyaksikan hiburan yang dilakukan telah mencemarkan nama baik diri, keluarga dan agama. Ianya berpunca akibat terlalu asyik dan ghairah dengan aplikasi hiburan sehingga melanggar batasan-batasan berikut:

- 1 Batasan Syarak:** Melaksanakan aktiviti atau kandungan tanpa melihat asas dan hukum agama. Ikut suka hati dan asalkan mencapai view dan follower yang ramai meskipun hiburan jelas bertentangan dengan syariat.
- 2 Batasan Aurat:** Terdedah dan didedahkan. Tidak menepati matlamat menutup aurat hanya sekadar fesyen sahaja. Aurat terdedah dengan aksi yang merosakkan nilai diri dan tingkah laku yang tidak beradab.
- 3 Batasan Pergaulan:** Lelaki dan perempuan sudah melepassi batasan gender. Aksi pergaulan bebas, bertepuk tamar, berpegangan tangan sehingga menyaksikan adegan-adegan yang melanggar syarak dan nilai budaya.
- 4 Batasan Masa:** Pembaziran masa terlalu banyak dihabiskan. Kealpaan dengan hiburan sehingga menyebabkan kesan negatif dalam rutin harian dan mengabaikan tanggungjawab.
- 5 Batasan Akhlak dan Maruah:** Segalanya boleh berlaku dan akan dilakukan hanya kerana untuk mencapai keseronokan. Semacam tiada maruah diri bila beraksi di aplikasi sosial sehingga merosakkan harga diri dan keluarga.

Dalam menghadapi gelombang cabaran aplikasi hiburan di media sosial beberapa saranan dikemukakan bagi menangani isu ini antaranya:

- 1 Penghayatan Agama.**
Ia adalah nasihat dan panduan untuk kehidupan manusia. Membentuk individu Muslim untuk sentiasa berintegriti. Dapat membezakan perbuatan yang baik dan buruk. Nilaian akal menunjukkan tingginya martabat manusia agar tindakan yang dilakukan berbeza dengan makhluk lain yang tidak berakal.
- 2 Tingkatkan Keimanan.**
Bugarkan sifat malu yang merupakan sebahagian daripada cabang Iman.
1. Malu kepada Allah iaitu dengan menjauhkan diri daripada perkara-perkara yang ditegah dan dilarang.
2. Malu kepada Manusia iaitu menahan diri daripada mengganggu dan menyakiti orang lain.
3. Malu kepada Diri sendiri iaitu sentiasa menjaga kehormatan diri dan menjaga diri daripada sifat-sifat tercela.
- 3 Pemantauan Ibu Bapa.**
Ambil tahu dan prihatin dengan perkembangan anak-anak. Keutamaan menjaga nama baik keluarga adalah perkara yang perlu disematkan. Tingkatkan komunikasi berkesan dan sedi menerima teguran.
- 4 Usaha Dakwah Berterusan.**
Peringatan melalui siri-siri kuliah, ceramah, tazkirah yang disampaikan oleh Para Pendakwah. Begitu juga penyampaian dalam MEDSOS merupakan medium yang sangat baik untuk mengingatkan *Do and Don't*. Sesungguhnya peringatan adalah sangat penting dalam kehidupan Muslim.
- 5 Cakna komuniti.**
Sikap dan tanggungjawab komuniti yang peka dan sensitif. Perkara yang berkaitan akhlak dan budaya wajar diberikan perhatian agar ia menjadi nilai kehidupan bermasyarakat. Sifat tegur menegur dan saling menasihati mesti diperkasakan bagi menjamin keharmonian komuniti. Jauhkan sifat mementingkan diri sendiri dan tertutup.

Allah menciptakan manusia dengan sebaik-baik kejadian sewajarnya nilai diri sentiasa dipelihara, lebih peka dan waspada dalam setiap tindakan khususnya ketika berhibur. Berhibur jangan sampai lebur. Ingatlah pesanan Nabi SAW yang bermaksud: "Jika kamu tidak mempunyai rasa malu, maka lakukanlah apa sahaja yang kamu mahu" - [Riwayat al-Bukhari]. **Edisi**



HIJRAH SEORANG PENDOSA

Oleh: Hasal Bin Senin (hasal@mais.gov.my)
Pembantu Eksekutif (Unit Pembangunan Kompetensi, MAIS)



Setiap insan sentiasa melakukan dosa dan sebaik-baik manusia ialah yang bertaubat setelah melakukan dosa. Ibn Manzur berkata, taubat ialah kembali kepada Allah daripada dosa. Menurut Kamus Dewan, taubat ialah sesal akan dosa dan berazam tidak akan berbuat dosa lagi, perasaan tidak senang kerana telah melakukan kesalahan dan berazam tidak akan mengulanginya lagi. Bertaubat daripada dosa hukumnya adalah wajib. Allah SWT berfirman:

"Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu Berjaya". (Surah al-Nur: 31)

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah, beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud;

Sesungguhnya seorang hamba melakukan dosa lalu dia berkata: "Ya Tuhan, aku telah berdosa. Ampunilah diriku." Lalu Allah SWT menjawab: "Adakah hamba-Ku tahu bahawa dia mempunyai Tuhan yang akan mengampuni dan menghukum dosanya? Aku telah mengampuni hamba-Ku."

Kemudian berlalulah masa sehingga orang itu melakukan dosa lagi. Lalu dia berdoa: "Tuhan ku, aku telah berdosa. Ampunilah dosa ini." Lalu Allah SWT menjawab: "Adakah hamba ku mengetahui bahawa dia memiliki Tuhan yang mengampuni dosa dan menghukum dosa itu? Aku telah mengampuni hamba-Ku. sebanyak tiga kali. Maka biarlah dia lakukan apa yang dia hendaki". (Riwayat al-Bukhari)

Imam al-Nawawi berkata: "Hadis ini jelas pada sisi dalalahnya, bahawa walaupun dosa terulang seratus malah seribu atau lebih, dan dia bertaubat setiap kali daripadanya, maka taubatnya diterima dan gugur dosanya. Meskipun dia bertaubat dari semua (dosa) dengan sekali taubat setelah semua (dosa), maka taubatnya sah."

Namun, taubat yang dilakukan tersebut hendaklah benar-benar dilakukan dengan sepenuh hati dan perasaan serta merupakan satu keinsafan yang sesungguhnya. Bukan hanya menyebut istighfar semata-mata sedangkan hatinya masih ingin berterusan melakukan maksiat.

Oleh itu, apabila bertaubat, ia hendaklah dilakukan dengan sepenuh hati dan perasaan. Apabila kemudiannya tergelincir lagi melakukan maksiat, mohonlah keampunan kepada Allah atas ketergelinciran. Jangan merasa berputus asa daripada istighfar.


Sebagai kesimpulan, carilah murabbi yang Rabbani sekiranya ingin bertaubat dan MAIS yang sifatnya sebagai agensi yang menjaga hal ehwal Islam di Negeri Selangor telah menyediakan tempat khusus untuk mereka yang ingin kembali ke pangkal jalan seperti Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan di Sabak Bernam, Pusat Pemulihan Akidah Baitul Iman di Hulu Yam, Baitul Islah di Serendah dan beberapa tempat lagi di Negeri Selangor.

Moga bermanfaat dan asbab kebaikan. **Edisi**

PERANCANG PEWARISAN ISLAM MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (PPI MAIS)



Bina kerjaya dan tambah pendapatan anda melalui perkhidmatan perancangan pewarisan harta (wasiat & hibah) bersama MAIS secara atas talian.



Untuk maklumat lanjut hubungi:

010 -251 9556

(Bhg. Dakwah & Pemasaran, Baitulmal MAIS)

Sebarang pertanyaan atau pandangan, sila hubungi:

Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan
T: 03-3216 1286
F: 03-3216 1488

Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman
T: 03-60751558
F: 03-60751548

Pusat Pemulihan Baitul Islah MAIS AADK
H/P: 019-372 9627 / 017-889 8982
F: 03-5512 4042

HIJRAH SOSIAL

Oleh: Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid (hamizul@zakatselangor.com.my)
Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan, Divisyen Syariah dan Dakwah, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Kemelut sosial yang berlaku, menyaksikan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) perlu lebih siaga menyediakan wahana demi keperluan ummah. Mari kita telusuri komitmen MAIS dan LZS dalam mendepani ‘Hijrah Sosial’ ini.

BAITUL MAWADDAH

Ditubuhkan untuk memberi perlindungan, pengawasan, pemulihan dan pembangunan diri yang berkesan kepada warga emas yang terdiri daripada asnaf fakir dan miskin yang tidak terbelia di Selangor demi menjamin kesejahteraan dan kualiti hidup mereka.

BAITUL HASANAH

Ditubuhkan pada tahun 2006 dan merupakan inisiatif bagi membantu anak-anak asnaf fakir miskin berjaya dalam pelajaran dengan menyediakan suasana yang kondusif untuk mereka belajar dan dapat melahirkan pelajar yang cemerlang dalam sahsiah akademik dan ko kurikulum.

BAITUL SALAM

Merupakan tempat perlindungan sementara bagi asnaf muallaf dan bertindak sebagai pusat komuniti muallaf bagi menyusun semula hala tuju mereka setelah memeluk Islam atau ketika ditimpa musibah, agar dapat menyantuni kebajikan mereka dan lebih utama, memelihara aqidah mereka dari dipesongkan oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab.

BAITUL IMAN

Merupakan pusat pemurnian akidah yang menyediakan perlindungan, bimbingan, pemulihan, rawatan spiritual Islam (Modul Istitabah) dan kaunseling kepada individu dan kumpulan umat Islam yang memerlukan. Golongan yang terjebak dengan penyelewengan akidah dipulihkan di sini.

BAITUL HIKMAH

Menyediakan fasiliti latihan yang kondusif bagi membangunkan aspek spiritual, kemahiran dan pembangunan pendidikan khususnya ilmu fardu ain kepada golongan muallaf.

BAITUL EHSAN

Memberikan perkhidmatan berbentuk perlindungan, pemulihan, kaunseling dan latihan yang dinamik terhadap wanita yang terlibat dalam salah laku sosial atau penyimpangan akhlak.

BAITUL ISLAH

Merupakan sebuah pusat yang menempatkan penagih dadah tegar dan juga penghidap HIV dan dikendalikan dengan kerjasama pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK).

Info lanjut mengenai intitusi-institusi di atas boleh diperolehi dengan menghubungi:

Divisyen Pembangunan Asnaf, LZS di talian **1300884343** atau Pusat Pemulihan ar-Riqab, MAIS di talian **03-55143400**.

Edisi



KESIHATAN MENTAL: AMALAN UNTUK HIDUP SIHAT

Oleh: Mohd Hafiz Bin Abdul Salam (hafizsalam@mais.gov.my)
Ketua Pusat Penyelidikan, MAIS

Fokus persoalan dalam penulisan kali ini adalah berkaitan kesihatan mental. Apakah fahaman kita tentang kesihatan mental? Mental yang sihat secara umumnya dapat difahami melalui kemampuan seseorang individu tentang keupayaan diri, dapat mengendalikan tekanan dengan baik, dapat bekerja secara produktif dan mampu menyumbang kepada masyarakat.

Ini bermaksud, kesihatan mental adalah asas kepada kesejahteraan individu dan kemampuan masyarakat untuk berfungsi secara efektif. Walau bagaimanapun, tiada satu kriteria yang boleh digunakan untuk membuktikan kesihatan mental individu sentiasa baik.

Tiada seorang individu pun yang mempunyai semua ciri-ciri kesihatan mental yang baik pada setiap masa. Ia banyak bergantung kepada faktor individu, sosial dan persekitaran. Terdapat beberapa faktor sosial, psiko logikal dan biologikal yang menentukan tahap kesihatan mental seseorang pada satu-satu masa.

Kesihatan mental boleh terjejas disebabkan masalah sosioekonomi, pertukaran keadaan persekitaran dan sosial secara mendadak, tekanan di tempat kerja dan penyakit fizikal yang lain.

Kita juga tidak boleh beranggapan kesihatan mental ini satu gejala yang berada jauh daripada lingkungan kehidupan kita. Kononnya, kita lihat kehidupan kita sentiasa kelihatan gembira, penuh nilai tawa dan serba-serbi bahagia yang bukan indikator jelas kepada mental yang sihat. Silap-silap anak, keluarga terdekat mahu pun diri kita sendiri adalah penghidap penyakit ini. Ada dalam kalangan kita yang terus-menerus bersikap menafikan bahawa sedikit sebanyak mereka menunjukkan simptom-simptom mental walaupun ia masih di peringkat awal.

Laporan Tinjauan Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2019 mendapati prevalen kesihatan mental dalam kalangan masyarakat Malaysia berumur 16 tahun dan ke atas adalah 2.3 peratus, ini bermakna dianggarkan hampir 500,000 individu berumur 16 tahun ke atas mengalami masalah ini.

Antara isu kesihatan mental yang dikesan merangkumi masalah emosi dan tingkah laku termasuk tekanan perasaan (acute stress

disorders), kemurungan (depression), keresahan (anxiety), letih upaya (burnout) serta tingkah laku bunuh diri (suicide). Daripada statistik ini, boleh juga disebut secara mudah yang ianya adalah sesuatu yang sangat membimbangkan.

Pakar psikologi dan perubatan telah mencadangkan pelbagai langkah pencegahan dan pembetulan yang perlu diambil secara proaktif dalam membendung masalah kesihatan mental daripada menjadi lebih parah dengan cara :

- 1 Berjumpa dengan pakar psikiatri atau doktor secara berkala dan mendapatkan konsultasi daripada mereka.
- 2 Patuhi jadual rawatan susulan dan ubatan yang disyorkan oleh pakar perubatan.
- 3 Sentiasa mengamalkan cara berfikir yang positif dan tenang dan menguruskan konflik-konflik.
- 4 Amalkan gaya hidup yang sihat juga perlu menjadi amalan dengan cara bersukan, berekreasi atau melakukan aktiviti fizikal yang boleh membuat kita rasa gembira, dapat bersosial dengan keluarga dan rakan-rakan dan memenuhi hobi atau aktiviti kegemaran kita.

Beginu pun, Islam juga ada memberikan panduan yang berbeza terhadap isu dan masalah ini. Secara umumnya, proses penyembuhan masalah mental juga boleh dirawat dan dicegah secara kerohanian. Ia dapat dilihat sebagai salah satu alternatif terbaik untuk merawat penyakit-penyakit mental ini dengan perkara seperti berikut:

- 1 Memperbanyak membaca ayat suci Al-Quran;
- 2 Memperbanyak solat;
- 3 Menghadiri majlis-majlis ilmu;
- 4 Melazimi berzikir;
- 5 Memohon doa-doa khusus;
- 6 Bermunajat; dan
- 7 Melakukan amar maa'ruf sebagaimana yang digariskan oleh syariat Islam.

Allah SWT berfirman dalam al-Quran yang bermaksud : "Maka ingatlah kepada-Ku. Aku juga akan ingat kepadamu" (Surah al-Baqarah, 152).

Ini merupakan peringatan dan panduan bahawa andai kita sentiasa ingat dan membesarakan keesaannya, maka Allah SWT akan melindungi kita sepanjang masa. Selain itu, antara panduan yang boleh digunakan sebagai terapi jiwa dengan menggunakan pendekatan Islam adalah amalan membaca al-Quran, sentiasa berwudhu dan memperbanyak selawat ke atas Rasulullah SAW sebagai satu bentuk usaha untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Secara kesimpulannya, Islam menggalakkan umatnya supaya menjadi generasi yang cergas, sihat dan bersemangat dalam menghadapi segala cabaran kehidupan yang sememangnya menekan jiwa dan emosi.

Walluhua'lam. **Edisi**



CERAI EXPRESS, ADA PENYELESAIANNYA

Oleh: Salawati binti Hamid (wawa@mais.gov.my)

Eksekutif, MAIS

Rujukan: <https://www.jakess.gov.my/Penerbitan/Buletin>

Perkahwinan adalah untuk mengekalkan kehidupan berumah tangga pasangan suami isteri. Allah telah mensyariatkan pelbagai hukum dan adab perkahwinan untuk menjamin pengekalannya serta menyuburkan hubungan mereka.

Walau bagaimanapun, kadangkala terdapat suami isteri atau seorang daripada mereka tidak mematuhiinya. Oleh itu, dalam hubungan sesebuah keluarga, perkara yang paling ditakuti adalah perceraian.

Pelbagai faktor perceraian itu berlaku. Ia boleh berlaku disebabkan wujudnya orang ketiga, tiada persefahaman dalam perhubungan, masalah kewangan dan pelbagai lagi. Oleh itu, perceraian ini merupakan jalan terakhir perhubungan sekiranya suami dan isteri tidak bersefahaman lagi.

Di negeri Selangor, proses perceraian ini dapat dilaksanakan dengan pantas. Proses perceraian ini telah diperkenalkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) pada tahun 2014.

Pasangan yang mencapai persetujuan bersama untuk bercerai tidak perlu lagi menunggu 90 hari bagi menyelesaikan kes mereka. Sebaliknya, proses itu diselesaikan kurang enam (6) jam apabila JAKESS memperkenalkan proses kerja 'fast track' bagi kes cerai.

Di bawah proses tersebut, tempoh masa penyelesaian kes cerai dengan talaq yang difailkan secara persetujuan bersama di bawah seksyen 47 Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor (2003) dapat dipendekkan iaitu bermula daripada masa pendaftaran kes sehingga perintah bertulis dikeluarkan.

Objektif pelaksanaan proses ini adalah seperti berikut:

- 1 Memastikan kes di bawah Seksyen 47 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 diselesaikan dengan cepat, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan
- 2 Memastikan proses pengurusan prapendaftaran kes Seksyen 47 EUKIS 2003 hingga perintah bersih dikeluarkan dapat dilaksanakan dengan cepat, sistematik dan berkesan
- 3 Mewujudkan kesefahaman antara JAKESS, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM) dalam menyelesaikan kes Seksyen 47 EUKIS
- 4 Memartabatkan sistem perundangan dan kehakiman syariah di Negeri Selangor Darul Ehsan

Walaupun cerai itu adalah jalan pengakhirananya, namun ia perlulah dijaga adabnya agar masyarakat sekeliling terus berpandangan positif terhadap pasangannya. Sahibus Samahah Datuk Dr. Haji Zulkifli bin Mohamad al-Bakri dalam kenyataannya pada 24 Ogos 2017, nasihat kepada pasangan suami isteri, cara ihsan dalam perceraian itu termasuklah dengan mendaftarkan perkahwinan dan perceraian mengikut saluran yang sah bagi menjaga maslahat dan menolak mudarat pasangan khususnya pihak wanita. Ini termasuklah proses dokumentasi. Ini kerana kaum wanita perlu memerhatikan waktu iddah, tidak boleh menerima lamaran dan diharamkan untuk berkahwin dengan orang lain dalam tempoh tersebut.

Kegagalan pasangan khususnya bekas suami untuk mendaftarkan perceraian dan mendapatkan dokumen pengesahan mempunyai risiko mudarat bagi pihak bekas isteri jika dia ingin berkahwin dengan orang lain selepas iddah tamat. **Edisi**

PERKHIDMATAN

BANTUAN GUAMAN SYARIE DAN KONSULTASI PERUNDANGAN

KHIDMAT NASIHAT SECARA PERCUMA berkenaan isu perundangan Syariah dan prosiding bagi semua jenis kes mal di Mahkamah Syariah oleh Pegawai Syariah Majlis Agama Islam Selangor.

KHIDMAT BANTUAN GUAMAN SYARIE perkhidmatan sebagai Peguam Syarie yang bertindak mewakili pemohon yang berkelayakan bagi kes di Mahkamah Syariah Negeri Selangor bagi **3 kategori**:

1 BANTUAN GUAMAN SYARIE KATEGORI UMUM

2 BANTUAN GUAMAN SYARIE KATEGORI MUALLAF

PERCUMA

Hadir terus ke alamat:
**BAHAGIAN UNDANG-UNDANG SYARIAH
SEKTOR UNDANG-UNDANG
TINGKAT 6, MENARA SELATAN
BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH
SEKSYEN 5, 40000 SHAH ALAM**

Borang permohonan boleh didapati di laman web www.mais.gov.my/bantuan-guaman-syarie-konsultasi-perundangan

WAKTU URUSAN

ISNIN SEHINGGA KHAMIS
8.30 PG - 12.30 TGH
2.30 PTG - 4.30 PTG

JUMAAT
8.30 PG - 12.15 TGH
2.45 PTG - 4.00 PTG

03-5514 3643/3695
010-946 0592

3 BANTUAN GUAMAN SYARIE KATEGORI PELAKSANAAN DAN PENGUATKUASAAN PERINTAH NAFKAH ANAK

Sebarang pertanyaan atau pandangan, sila hubungi:

Bahagian Undang-Undang Syariah, Sektor Undang-Undang, Majlis Agama Islam Selangor
Tingkat 6, Menara Selatan, Bangunan Sultan Idris Shah, 40000 Shah Alam, Selangor.

Tel: 03-5514 3643 • Fax: 03-5512 7202 • Portal Rasmi: www.mais.gov.my

Persatuan Mencegah Dadah Malaysia Negeri Selangor

Oleh: Muhammad Syafiq Bin Ahmad Fozi (syafiq@mais.gov.my)
Penolong Pengurus Komunikasi Korporat, MAIS

Rujukan: <https://www.pemadamselangor.com/>

Seperti sedia maklum, dadah merupakan musuh utama negara. Dadah juga boleh menyebabkan seseorang itu terjurumus kelembah kehinaan. Namun dalam keadaan seperti ini, pasti ada jalan penyelesaiannya. Setiap yang kurang baik itu pasti ada kebaikannya di hujung sana nanti.

Selaras dengan fungsi MAIS dalam berperanan menangani isu masalah sosial ini, MAIS telah menjalankan tanggungjawabnya melalui peranan yang dimainkan oleh Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (PIBK). Sebagai contohnya, Persatuan Mencegah Dadah Malaysia Negeri Selangor (PEMADAM) yang telah berperanan membantu mendidik masyarakat di Negeri Selangor mengenai bahayanya penyalahgunaan dadah.

Antara peranan PEMADAM ialah:

- 1 Mendidik orang ramai mengenai bahaya penggunaan dadah melalui rancangan pencegahan, pendidikan dan penerangan.
- 2 Mengumpul dan menyampaikan pendapat pakar-pakar mengenai penggunaan dadah dan mengajurkan seminar, majlis dialog, forum dan kursus-kursus.
- 3 Membantu dalam menyediakan perkhidmatan kaunseling
- 4 Bekerjasama dengan jabatan-jabatan kerajaan yang bersangkutan dan lain-lain pertubuhan sukarelawan dalam usaha mencegah peggunaan dadah
- 5 Pengurusan PEMADAM di semua peringkat semestinya sentiasa berdasarkan perhitungan yang bersungguh-sungguh, kreatif, komited dan berlandaskan ciri-ciri cennderung berbakti kepada masyarakat, bangsa dan Negara.

Selain daripada itu, terdapat 6 teras yang menjadi paksi kepada PEMADAM dalam melicinkan lagi jentera pengurusan dan pelaksanaan program di peringkat negeri dan daerah. Program tersebut termasuklah:

- 1 PROGRAM DAMAI : MASYARAKAT BEBAS DADAH
- 2 TABAH : MEMPERKASAKAN KELUARGA BEBAS DADAH
- 3 PROGRAM IMAN : PELAJAR BEBAS DADAH
- 4 PROGRAM CEKAL : IPT BEBAS DADAH
- 5 PROGRAM CEKAP : PEKERJA BEBAS DADAH
- 6 PROGRAM TEKAD : TUNDUKKAN SECARA EFEKTIF KUASA ANCUMAN DADAH

Sebagai kesimpulannya, menjadi tanggungjawab bersama semua masyarakat untuk melaksanakan pencegahan terhadap penyalahgunaan dadah ini. Firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 104 yang bermaksud:

"Dan hendaklah ada antara kamu satu kumpulan yang menyatu (berdakwah) kepada kebaikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya". Wallahuallam. Edisi

Sebarang pertanyaan atau pandangan berkaitan NGOi, sila hubungi Cik Amirah Addilah Binti Mohd Johari, Unit Pembangunan NGO-i, Bahagian Pendaftaran Muallaf dan PIBK, MAIS di talian **03-33614000** atau emelkan kepada jpngoimais@gmail.com.

Sumber : Majlis Agama Islam Selangor



Program Ibadah Korban, Eratkan Ukuwah MAIS Bersama Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor, Agensi Dan Anak Syarikat

JULAI 2022 – Sempena Hari Raya Eidul Adha 1443H, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) tidak ketinggalan dalam melaksanakan amalan bagi program tersebut. Program Ibadah Korban MAIS yang berlangsung membabitkan Jabatan-Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor, Agensi dan Anak Syarikat MAIS. Sebanyak 15 ekor lembu dikorbankan dan dagingnya diagihkan kepada golongan asnaf yang berhampiran dan warga kerja di Bangunan Sultan Idris Shah (BSIS). [Edisi](#)



Pengerusi MAIS Saran Terus Semarakkan Semangat Patriotik – MAIS Edar 3,012 Jalur Gemilang

OGOS 2022 – YAD Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof, Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menyarankan agar seluruh masyarakat terus menyemarakkan semangat patriotik terutamanya dalam bulan kemerdekaan ini. [Edisi](#)

Tangani Masalah Sosial, MAIS Santuni 2,529 Asnaf Riqab – Anjur Kempen Bulan Pembebasan Ar-Riqab Bermula 1 September Hingga 30 September 2022

SEPTEMBER 2022 – Dalam usaha menangani masalah sosial, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menyantuni 2,529 golongan asnaf riqab di Negeri Selangor melalui bimbingan dan bantuan kebijakan bagi golongan terbabit.

MAIS memperuntukkan sebanyak RM 21.2 juta dari peruntukan zakat asnaf riqab untuk tahun ini bagi membantu dan membimbing golongan terbabit yang memerlukan bantuan pemulihan, perlindungan, rawatan dan pencegahan selain pelbagai bantuan lain supaya mereka kembali ke pangkal jalan. [Edisi](#)



MAIS Prihatin Mangsa Banjir Di Negeri Kedah – Sumbang RM120,000 Bagi Keperluan Maslahah Ummah

JULAI 2022 – Prihatin dengan nasib mangsa banjir yang terjejas di negeri Kedah dalam insiden 4 Julai yang lalu, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) tampil menyumbangkan RM120,000.00 bagi memenuhi maslahah ummah terutama dalam membantu kepada mereka yang memerlukan. Sumbangan RM120,000.00 itu meliputi peruntukan daripada Baitulmal MAIS dan Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE), anak syarikat MAIS. [Edisi](#)

MAIS Hasilkan 20 Kajian Penyelidikan Berkaitan Isu Hal Ehwal Islam Selangor

OGOS 2022 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menghasilkan 20 kajian penyelidikan berkaitan isu hal ehwal Islam di negeri Selangor bermula tahun 2019 sehingga tahun 2022. [Edisi](#)



Sumber : Jabatan Mufti Negeri Selangor



Seminar Fatwa Peringkat Negeri Sarawak 1443H/2022M

JULAI 2022 - Pada siri kunjungan ke negeri Sarawak kali ini, S.S. Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor turut dijemput ke Seminar Fatwa Peringkat Negeri Sarawak 1443H/2022M yang dirasmikan oleh Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak yang bertempat di Raia Hotel & Convention Centre, Kuching. [Edisi](#)



Malaysia #QuranHour 2022

OGOS 2022 - Jabatan Mufti Negeri Selangor telah mengadakan program Malaysia #QuranHour 2022 sempena Hari Kebangsaan ke-65 bagi menyokong Yayasan Warisan Ummah Ikhlas Foundation (WUIF) meneruskan misi #QuranHour pada tahun ini. Menerusi program ini, WUIF ingin mengajak seluruh masyarakat memahami intipati dan erti kemerdekaan dalam membangunkan sebuah negara "Baladun Toyibatun, Wa Rabbun Ghafur" (Negara Baik yang mendapat Pengampunan Allah). [Edisi](#)



Pengukuran Dan Pengesahan Arah Kiblat Masjid Subang Bestari

SEPTEMBER 2022 - Jabatan Mufti Negeri Selangor melalui Bahagian Falak telah membuat pengukuran dan pengesahan arah kiblat bagi cadangan pembinaan Masjid Subang Bestari. Arah kiblat di lokasi telah ditetapkan pada arah $292^{\circ} 32' 27''$. [Edisi](#)



Sumber : Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor



Program Muzakarah Hakam

JULAI 2022 - Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) telah menganjurkan Muzakarah Hakam bertempat di Dewan Muktamar, JAKESS dengan dihadiri seramai 33 orang Panel Hakam seluruh Selangor dan beberapa orang Hakim Syarie Mahkamah Syariah Selangor termasuk Setiausaha Jawatankuasa Hakam, merangkap Ketua Pendaftar JAKESS Tuan Salehan bin Yatim. [Edisi](#)

Majlis Perhimpunan Jabatan Bil.4/2022 Dan Sambutan Bulan Kemerdekaan Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS)

OGOS 2022 - Telah berlangsung Majlis Perhimpunan Jabatan Bil 4/2022 Dan Sambutan Bulan Kemerdekaan Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS). Majlis yang berlangsung secara fizikal ini dihadiri oleh 200 kakitangan terdiri daripada warga kerja di ibu pejabat dan wakil daripada Mahkamah Rendah Syariah seluruh Selangor. [Edisi](#)



Perjumpaan Memorandum Persefahaman Antara Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) Dan Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS)

OGOS 2022 - Telah berlangsung Perjumpaan Memorandum Persefahaman Antara Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, JAKESS. [Edisi](#)



Sumber : Jabatan Agama Islam Selangor



Sumber : Lembaga Zakat Selangor



Sumber : Perbadanan Wakaf Selangor



Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Selangor Tahun 1444H/2022M

JULAI 2022 - DYT Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan berangkat mewakili DYMM Sultan Selangor ke Program Ambang Hijrah dan Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Selangor. Program berkenaan berlangsung sebelum solat Maghrib di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam. [Edisi](#)



Majlis Bacaan Yasin, Tahlil Dan Doa Selamat Sempena Sambutan Hari Pahlawan Peringkat Negeri Selangor Tahun 2022M / 1443H

JULAI 2022 - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor berkenan berangkat ke majlis bacaan Yasin, tahlil dan doa selamat bersempena Sambutan Hari Pahlawan peringkat negeri. [Edisi](#)



Program Integrity Recharge 2022 – “Amanah Dan Integriti Cerminan Iman Dalam Islam”

OGOS 2022 - Unit Integriti & Tatatertib dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Penguasaan JAIS telah menganjurkan Program Integrity Recharge 2022 “Amanah dan Integriti Cerminan Iman Dalam Islam”. Program ini dianjurkan bertujuan meningkatkan pengetahuan dan memberi kesedaran berterusan kepada warga JAIS berkenaan akauntabiliti, kejujuran dan pembudayaan nilai integrity dalam setiap aspek kehidupan. [Edisi](#)



Mahrajan Amal Islami: Platform Lahir Pendakwah Mualaf Berkaliber

OGOS 2022 - Lembaga Zakat Selangor (LZS) menghantar sembilan peserta mualaf mewakili Negeri Selangor bagi menyertai Mahrajan Amal Islami Mualaf Peringkat Kebangsaan. [Edisi](#)



Program Penerangan KWSP Kepada Warga Kerja Bangunan Sultan Idris Shah

JULAI 2022 - Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Negeri Selangor dengan kerjasama Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) telah mengadakan taklimat KWSP & Anda: “Mampukah Simpanan Persaraan Anda Bertahan”. [Edisi](#)



Program Penerangan Wakaf Tunai di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

OGOS 2022 - Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) telah mengadakan program penerangan Wakaf Tunai bertempat di Foyer SUK, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam. [Edisi](#)



Sumber : Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor



'Summer Course on Sustainable Agroindustry' Bawa Mahasiswa KUIS ke Persada Antarabangsa

JULAI 2022 - Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah menghantar lima orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Industri Halal) ke program Summer Course On Sustainable Agroindustry anjuran Jabatan Teknologi Industri Pertanian, Fakulti Teknologi Pertanian, Universiti IPB, (Institut Pertanian Bogor) Indonesia bermula 4 Julai 2022 sehingga 30 Julai 2022. [Edisi](#)



Majlis Pemakaian Jubah Graduan PhD Konvokesyen kali ke 25 KUIS

OGOS 2022 - Majlis Pemakaian Jubah Graduan Ijazah Doktor Falsafah Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor bersempena Majlis Konvokesyen KUIS Kali Ke-25 yang akan berlangsung pada 14 hingga 18 Ogos 2022. [Edisi](#)



1,889 Graduan Dirai Sempena Majlis Konvokesyen KUIS Kali Ke-25

OGOS 2022 - Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) meraikan seramai 1,889 graduan yang telah tamat pengajian dari pelbagai peringkat terdiri daripada Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda dan Diploma sempena Majlis Konvokesyen Kali Ke- 25. [Edisi](#)



Sumber : Yayasan Islam Darul Ehsan



Majlis Amal Tayangan filem Mat Kilau anjuran @yide_officialhq bersama Syarikat Aiman Platinum Sdn Bhd

JULAI 2022 - Telah berlangsung pada 2 Julai di TGV Central I-City, Shah Alam. Seramai 303 orang anak-anak yatim dari 13 buah anak yatim sekitar Selangor, disantuni dengan persempahan silat dari Rumah Kasih Harmoni dan tontonan Filem Mat Kilau. [Edisi](#)



KDEB WM & SME Bank Bersihkan 4 Buah Rumah Anak Yatim Seliaan YIDE

OGOS 2022 - Seramai 180 orang sukarelawan yang terdiri daripada kakitangan KDEB WM dan SME Bank telah hadir untuk melaksanakan projek CSR dengan membersihkan 4 buah rumah anak-anak yatim seliaan YIDE. [Edisi](#)



YIDE Segera Hulur Sumbangan Kepada Mangsa Kebakaran

OGOS 2022 – Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) melalui Skuad Prihatin YIDE (SPY) segera menyalurkan sumbangan kepada mangsa kebakaran di Sungai Ramal Dalam. [Edisi](#)



JOM BERBAHASA ARAB MUDAH! (Siri 3)

Oleh: Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid (hamizul@zakatselangor.com.my)
Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Assalamu'laikum semua pembaca setia Edisi MAIS. Apa khabar anda semua? *Kai fahalukum jami'an?* (كيف حالكم جميعاً؟)

Jika baik, jawablah: Saya baik, alhamdulillah. Bahasa Arabnya, *ana bi khair, walhamdulillah.* (أنا بخير والحمد لله).

Kami di Edisi mendoakan, semoga *antum* (أنتم) ertinya kamu emua) sihat dan ceria. Pada kali ini kita akan memperkenalkan kalimah 'May I help you?' atau 'Bolehkah saya bantu awak?'. Dalam bahasa Arab ialah: *Hal yum kinuni an usaa i'duka?* (هل يُمكِّنني أن أَساعِدك؟)

Jika kita nampak seorang datuk yang sudah tua (*jaddun* dalam bahasa Arab bermaksud datuk) menaiki tangga dan membawa barang, maka kita boleh gunakannya. Contoh penggunaan kalimah ini dalam ayat lengkap ialah:

Assalamu'laikum wahai datuk/ Assalamu'laikum ya jaddun / السلام عليكم يا جد.

Maafkan saya / *Lau samahta* / لو سمعت.

Bolehkah saya membantu datuk? / *Hal yumkinuni an usaa i'duka*

هل يُمكِّنني أن أَساعِدك؟ /

Jika datuk itu menjawab:

Ya, terima kasih / *Na'am, syukran* / نعم، شُكرًا

ERTINYA: Ya, terima kasih. Maka bantulah.

Jika datuk itu menjawab:

Tidak, tidak mengapa / *La. La baksu* / لا، لا بأس.

ERTINYA: Tidak, tidak mengapa, maka itu tandanya dia enggan menerima bantuan kita.

Tambahan: Berikut adalah antara kalimah yang elok kita hafal dan gunakan sehari-hari

BAHASA ARAB	TULISAN RUMI	MAKNA
عائِلَةٌ	'Aa-i-la-tun	Keluarga
جَدٌ	Jad-dun	Datuk
حَدَّةٌ	Jad-da-tun	Nenek
أَبٌ	A-bun	Bapa
أُمٌّ	Um-mum	Ibu
أَخٌ كَبِيرٌ	A-khun-ka-bi-run	Abang
أَخٌ كَبِيرَةٌ	Ukh-tun-ka-bi-run	Kakak
أَخٌ صَغِيرٌ	A-khun-so-ghi-run	Adik lelaki
أَخٌ صَغِيرَةٌ	Ukh-tun-so-ghi-run	Adik perempuan
عَمَّةٌ	'Amma-tun	Makcik (sebelah lelaki)
خَالَةٌ	Khaa-la-tun	Makcik (sebelah ibu)

Wallahu'lam. **Edisi**

SIRI BELAJAR JAWI (SIRI KETIGA PULUH)

أوليه : نورانيتا بنت عبد الرحمن
منشي ديوان (جاوي)

KAEDAH PENULISAN JAWI PADA KATA PINJAMAN BAHASA ARAB. (KATA UNGKAPAN ASING)

Stelah kita membicarakan kata serapan Bahasa Inggeris, minggu ini kita bicara pula tentang cara pengejeaan kata pinjaman Bahasa Arab. Sebagaimana yang kita maklumi, tulisan jawi di ambil dari tulisan Arab iaitu ketika Islam datang ke Tanah Melayu. Justeru, cara pengejeaan kata pinjaman Bahasa Arab ada dua versi ejaan iaitu istilah keislaman dan istilah umum. Istilah keislaman ialah istilah-istilah Islam yang digunakan dalam hukum-hakam, ibadah, jual beli, perbankan Islam, akidah, syariah dan pelbagai lagi. Istilah ini dikenalkan ejaannya mengikut ejaan asal Bahasa sumbernya iaitu ejaan Arab.

Ciri-ciri ejaan istilah keislaman yang dikenalkan ejaannya ialah :

- Istilah yang terdapat dalam al-Quran dan Hadis, atau istilah yang tidak dapat diterjemahkan dalam Bahasa Melayu. Istilah itu seperti:

Rumi	Jawi	Rumi	Jawi
Tahajud	تهجد	Ramadan	رمضان
Tayamum	تيم	Kiamat	قيمة
Halal	حل	Hadis	ديث

- Perkataan atau istilah yang diakhiri dengan 'alif maqsurah'

Rumi	Jawi	Rumi	Jawi
Musa	موسى	Syura	شوري
Fatwa	فتوى	Takwa	تقوى
Dakwa	دعوى	Isa	عيسى

- Perkataan yang bermula dengan alif lam takrif sama ada alif lam Syamsiah atau alif lam Qamariah dikenalkan ejaan arabnya. Tanda sempang yang ditulis dalam Bahasa Melayu tidak perlu ditulis dalam tulisan jawi. Fungsi tanda sempang ialah merangkaikan huruf kecil dan huruf besar dalam penulisan rumi, sedangkan penulisan jawi tiada huruf kecil dan huruf besar.

Rumi	Jawi	Rumi	Jawi
Al-Qamar	القمر	Al-Rahman	الرحمن
Al-Ghafur	الغفور	Al-Salam	السلام
Al-Azim	العظيم	Al-Syahid	الشهيد

Edisi

‘Saya menyesal sungguh...’

Oleh: Shahru Effendy bin Md Saat (fendy@mais.gov.my)
Eksekutif Perhubungan Awam & Khidmat Pelanggan, MAIS

KEPADA semua remaja khususnya wanita, berpada-pada jika bercinta dan jangan sese kali terjebak dengan zina.

“Ingatlah ibu-bapa yang bersusah payah membesarakan kita, mendidik kita, janganlah menghamparkan mereka,” kata wanita mahu dikenali sebagai Nadiah (bukan nama sebenar).

Wanita berusia 33 tahun itu mengakui tersilap langkap apabila didapati berkhawlwat dengan pasangan bukan mahram pada tahun lalu.

Mengimbas semula kejadian, Nadiah berkata, beliau bersama kawan lelakinya menaiki motosikal untuk menghantar makanan sejuk beku kepada pelanggan-pelanggan sekitar Terengganu.

“Ketika itu, pesanan makanan sejuk beku sangat banyak, dan saya bersama kawan lelaki cuba menghabiskan penghantaran makanan sehingga lewat malam.

“Masa itu, kami sangat letih, ditambah lagi hujan lebat menyebabkan kami terkandas di bahu jalan. Saya dan kawan lelaki mengambil keputusan untuk berehat di hotel murah memandangkan hujan masih belum berhenti.

“Walau bagaimanapun saya bersama kawan lelaki telah ditahan oleh penguat kuasa agama di dalam bilik hotel, sedangkan kami tidak buat apa-apa melaninkan berehat di atas katil setelah penat membuat penghantaran makanan,” kata Nadiah.

Nadiah yang sebelum ini telah bercerai dengan bekas suaminya, mempunyai perniagaan makanan sejuk beku yang memerlukan beliau membuat penghantaran makanan kepada pelanggan-pelangannya.

“Saya menyesal sungguh kerana berdua-duaan dengan pasangan bukan mahram tanpa ikatan perkahwinan sah. Saya ingin berubah dan hijrah ke arah lebih baik,” katanya.

BAITUL EHSAN UBAH SISI GELAP

Nadiah bersyukur apabila beliau kini membina kehidupan baharu di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan kelolaan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

“Saya telah disabitkan kesalahan berkhawlwat dan telah dihantar ke sini untuk menjalani pemulihan selama lima bulan atas perintah mahkamah,” katanya.

Menurut Nadiah, Baitul Ehsan banyak mengubah kehidupan kelamnya kepada yang lebih baik dan mula sedar bahawa hidayah itu milik Allah SWT yang dikurniakanNya kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki.

“Di sini saya belajar solat, mengaji, betulkan bacaan dalam solat dan ceramah agama daripada tenaga pengajar. Ustaz-ustaz di sini juga banyak bercerita tentang kisah-kisah Nabi yang membuatkan saya insaf dan takut untuk terus berbuat dosa.

“Cukuplah sekali saya melakukan dosa. Apabila berada di sini (Baitul Ehsan), kehidupan lebih terurus selepas saya mempelajari ilmu agama dan menunaikan solat. Saya ingin berubah menjadi lebih baik.

“Walaupun kehidupan silam saya masih tersisa dalam diri ini, ia tidak menjadi penghalang untuk saya terus istiqamah dalam menjadi insan yang direhui Allah SWT,” katanya.

Dalam pada itu, Pengusaha Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan, Nazatushima Osman berharap penghuni-penghuni di pusat pemulihan itu dapat menggunakan ruang dan peluang untuk berubah ke arah lebih baik.

“Bila berada di sini, mereka tinggal dalam suasana agama dan dipantau oleh ustaz-ustaz yang bertauliah. Saya berharap mereka istiqamah untuk berubah ke arah yang lebih baik dan tidak mengulangi kesilapan yang lalu,” katanya ketika dihubungi oleh penulis. **Edisi**



PERBEZAAN ANTARA KHUNSA DAN PONDAN

Oleh: Hasal Bin Senin (hasal@mais.gov.my)
Pembantu Eksekutif (Unit Pembangunan Kompetensi, MAIS)

Setiap pasangan suami isteri pasti mengimpikan zuriat yang lahir seorang bayi sempurna, comel, bijak dan sihat. Namun, manusia hanya mampu merancang dan Allah SWT sentiasa menguji hamba-Nya dengan sesuatu kekurangan bagi menilai tahap kesabaran dan kekuatan iman mereka.

Satu daripadanya adalah Allah SWT ciptakan bayi yang baru lahir memiliki dua ciri jantina atau lebih dikenali sebagai khunsa.

Malah, khunsa bukan terhad kepada manusia, malah ia turut berlaku kepada hidupan lain seperti siput, kerang dan ikan kerapu yang memiliki dua jantina bagi proses pembiakan.

Kita perlu yakin setiap ciptaan Allah mempunyai hikmah tersembunyi dan ia fitrah yang membuktikan kekuasaan, kebesaran serta keagungan-Nya.

Jarang masyarakat mahu membincangkan secara terbuka isu khunsa kerana ia membabitkan maruah, aib dan emosi apatah lagi bagi ibu bapa yang memiliki anak sedemikian.

Namun, insan yang dilahirkan sebagai khunsa juga makhluk Allah dan mereka berhak untuk menikmati nikmat serta rezeki Yang Maha Esa.

Khunsa dalam bahasa Arab bererti lembut. Istilah yang sering digunakan dalam bahasa Melayu merujuk kepada golongan kaum yang lembut atau pondan.

Pondan pula merujuk kepada lelaki yang memiliki sifat wanita terutama dalam penampilan dan ada yang sanggup merubah kejadian asal dengan membuat pembedahan bagi memiliki organ wanita (payudara dan alat sulit).

Khunsa dari sudut istilah para fuqaha ialah: Seseorang yang mempunyai dua kemaluan iaitu kemaluan lelaki dan juga kemaluan perempuan. Ataupun seseorang yang tidak memiliki kedua-duanya dan dia mempunyai lubang yang keluar daripadanya air kencing.

Manakala khunsa menurut Kamus Dewan adalah: Orang yang mempunyai dua alat kelamin.

Merujuk kepada kitab-kitab para fuqaha, kita dapat bahawa mereka membahagikan khunsa kepada dua jenis:

KHUNSA MUSYKIL

Seseorang yang tidak jelas tanda-tanda kelelakian atau keperempuanan pada dirinya. Tidak dapat diketahui sama ada dia merupakan seorang lelaki atau perempuan.

Khunsa musykil juga memiliki dua kemaluan iaitu kemaluan lelaki dan kemaluan perempuan dan tidak dapat dipastikan keadaannya dari kedua jenis tersebut iaitu sama ada dia lelaki ataupun perempuan.


KHUNSA GHAYRU MUSYKIL

Seseorang yang jelas padanya tanda-tanda kelelakian atau keperempuanan. Dia dapat diketahui sama ada dia merupakan seorang lelaki ataupun perempuan. Individu seperti ini tidak dikategorikan sebagai khunsa musykil. Ini kerana dia merupakan seorang lelaki atau perempuan, tetapi dalam masa yang sama mempunyai anggota lebihan.

Hukum untuknya dalam mirath (pembahagian harta pusaka) dan selainnya dari hukum-hakam adalah hukum terhadap apa-apa yang jelas dari tanda jantinanya. Sekiranya jelas tanda-tanda kelelakian, maka ke atasnya hukum-hakam seorang lelaki dan begitulah sebaliknya.

Dalam bidang perubatan, khunsa dikenali sebagai *Disorder of Sex Development (DSD)*. Penemuannya lebih kompleks daripada perbahasan para ulama terdahulu.

Moga bermanfaat dan asbab kebaikan. **Edisi**



DAKWAH DI KELAB MALAM

Oleh: **Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid** (hamizul@zakatselangor.com.my)

Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan, Divisyen Syariah dan Dakwah, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)



Jika dakwah di masjid, itu bukan dakwah. Orang yang datang ke masjid itu orang yang baik-baik. Nak berdakwah, ke sana. Ke tempat ahli maksiat. Ke kelab malam!

Demikian komen yang pernah terdengar. Namun kala menghalakan kaki ke sana, seribu persoalan menerjah di kepala. Kelab malam?!

Mendengar nama ini sahaja, tergambarlah hiruk-pikuknya. Hentakan dram. Dentingan gitar. Muzik memekak yang bingar. Lengkokan manusia tanpa silu. Anggukan kepala. Kerlip-kerlap lampu. Wanita seksi yang cantik. Lelaki berhidung belang. Juga hidangan ‘air kuning’ di atas meja.

Demikianlah gambaran kasar sebuah kelab malam. Maka, menyebut kalimah dakwah di kelab malam bagaikan asing sekali. Ibarat memadukan kucing dan anjing di dalam sebuah sangkar. Bagai menyatukan minyak dan air. Pasti ia sesuatu yang janggal. Juga mengarut.

Namun, realitinya bagaimana? Apakah dakwah di kelab malam ini mustahil? Apakah dakwah hanya perlu di masjid dan surau? Apakah itu namanya dakwah yang sebenar. Bak komentar di atas, dakwah itu perlu kepada orang yang masih jauh dari agama. Bukan di masjid.

Benar, dakwah itu sendiri terbahagi dua. Dakwah kepada non-muslim disebut ‘dakwah Islamiyah’, iaitu menarik mereka kepada Islam. Memberitahu mereka tentang agama yang benar. Jalan kehidupan yang selamat. Berjaya dunia dan akhirat. Inilah misi dakwah yang pernah diterokai oleh nabi dan sahabat, khususnya di zaman awal Islam.

Sisi keduanya ialah ‘dakwah islahiyyah’, iaitu dakwah kepada sama muslim. Islahiyyah dalam erti mudah, mengajak kepada ‘membaiki diri’. Ia penting, agar umat Islam konsisten dalam memperbaharui keazaman sebagai hamba Allah SWT. Islahiyyah juga boleh diertikan sebagai reformasi atau transformasi. Tidak kekal selesa dalam satu takuk, namun muhu jadi lebih baik lagi.

Maka, dengan maksud ini, sama ada kita berdakwah sesama muslim muhu pun kepada non-muslim, kedua-duanya ada di kelab malam. Benar bukan?

Maka, atas dasar itu ada dalam segelintir pendakwah yang memberanikan diri untuk tampil di kelab malam lalu berdakwah. Sungguh, usaha ini bukan main-main. Ibarat menghamburkan diri ke kancang api, ia boleh membakar diri. Ibarat terjun ke lubang air berpusar, ia bisa melemaskan.

Sekadar mengimbau, tokoh dakwah kontroversi Mesir iaitu Hassan al-Banna dikhabarkan pernah menjalankan dakwah di kelab malam. Dia hadir dan meminta kebenaran menyampaikan beberapa kalimah. Kekuatannya penyampaiannya, dikatakan telah memukau sebahagian hadirin. Hingga pemain dram di kelab malam itu tidak sedar, kayu pemukul dramnya terlepas dari tangan.

Demikian juga di Malaysia. Kita pasti dikejutkan dengan tokoh dakwah yang juga dianggap kontroversi, Ustaz Ebit Liew yang amat terkenal dengan dakwah jalanannya. Jika sebelum ini beliau berdakwah di kalangan anak muda di jalanan, kini beliau mengetuk pintu-pintu kelab malam pula, khususnya di luar negara.

Ternyata, dari kelibatnya beliau mendatangi anak-anak muda yang kelihatannya begitu ranggi lalu menyampaikan mesej kasih sayang yang dianjurkan Islam. “Allah sayang kita”, ibarat mentera yang sangat ampuh dalam usaha dakwahnya.

Nah, dua contoh ini memberarkan wujudnya dakwah di kelab malam. Ia bukan sebuah taboo, melainkan realiti. Maka, bolehkah kita melakukannya?

Jawapannya, lakukanlah dakwah ikut kemampuan. Lakukan ia dengan berhikmah. Misalnya, dakwah hendaklah berjemaah. Jika sekali pun perlu hadir ke kelab malam atau ke lokasi seumpamanya, elakkan seorang diri. Bimbang ia menjadi fitnah. Apa lagi di zaman media sosial yang terkenal dengan viral. Ia boleh membunuh dakwah dan pendakwah itu sendiri.

Di sisi Allah SWT dan nabi, dakwah dan pendakwah adalah mulia. Mati di jalan dakwah jaminannya syurga. Namun dakwah itu perlu strategi. Dakwah perlu bervisi, berperancangan dan tersusun untuk membawa kejayaan hakiki.

Wallahu’lam. **Edisi**





TAWARAN SEWAAN TANAH



BUKIT PERMATA GOMBAK

LOT 46315 GM582
SYARAT NYATA PERTANIAN

**LOT TANAH DI KAWASAN PENDALAMAN
DAN BERBENTUK TRAPIZIUM
BERHAMPIRAN DI TAMAN BUKIT PERMATA
GOMBAK**

KELUASAN 4 EKAR
KEADAAN TANAH BERALUN DAN BERBUKIT
KADAR SEWAAN **RM11,000.00 SEBULAN**

PRIMA SELAYANG BANDAR SELAYANG

LOT 2645 PN117640
SYARAT NYATA BANGUNAN KEMASYARAKATAN



**LOT TANAH ADALAH SEGI EMPAT SAMA DAN
BERBUKIT BERHAMPIRAN DENGAN FAKULTI
PERUBATAN KAMPUS SELAYANG (UITM)**

KELUASAN 1.5 EKAR

KADAR SEWAAN **RM6,000.00 SEBULAN**



KAMPUNG MELAYU PULAU CAREY KUALA LANGAT

H.S.(D) 38071 PT 737
SYARAT NYATA BANGUNAN KEMASYARAKATAN & PERTANIAN

**LAPISAN PERTAMA JALAN BALAI RAYA
KAMPUNG MELAYU CAREY
BERHAMPIRAN DENGAN MASJID DARUL TAHSIS**
KELUASAN 8 EKAR
KEADAAN TANAH RATA DAN SEPARAS
DENGAN JALAN
KADAR SEWAAN **RM7,300.00 SEBULAN**

Terus whatsapp atau hubungi kami di

019-2640631 / 019-2302040 atau 03-55143400 samb 2187



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq



MAISgovmy



EDISI
مايس

www.mais.gov.my

VIRAL KINI:
Dakwah
Di Kelab
Malam

Ms 18

Bayaran
ZAKAT PENDAPATAN
secara **BULANAN**
kini lebih mudah melalui

DIRECT DEBIT

✓ Terjamin ✓ Termudah ✓ Terurus

01



Anda hanya perlu mengimbas kod QR atau layari <https://www.zakatselangor.com.my/directdebit/>

02

Lengkapkan borang ansuran zakat bulanan melalui **direct debit**.

03

Baca terma & syarat yang dinyatakan dan [klik daftar sekarang](#).



LEMBAGA
ZAKAT SELANGOR
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR



zakatselangor



zakatTV@youtube

www.zakatselangor.com.my

JOM MASUK PASCASISWAZAH KUIS

WISDOM BEGINS HERE

*Coursework/ penyelidikan

*Yuran Pengajian yang rendah

*Terbuka kepada semua warganegara Malaysia

*Mod Sepenuh & Separuh Masa

PERMOHONAN MELALUI

- www.kuis.edu.my
- walk-in di KUIS
- pps@kuis.edu.my



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR
الجامعة الإسلامية العالمية الشاملة سلاغور
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR
OISU2020



KLIK UNTUK
LIHAT PROGRAM
PENGAJIAN

fbkuis

instakuis



+60389117000 SAMB : 3561/ 1429 (PPS)



+6019 226 0746